



**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 6 TAHUN 2012**

**PINDAAN PERATURAN MEREKODKAN WAKTU
KEHADIRAN STAF AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
16 Julai 2012

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld 2 (6)

16 JULAI 2012

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6/2012

PINDAAN PERATURAN MEREKODKAN WAKTU KEHADIRAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf mengenai keputusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 4/2012 mengenai Pindaan Peraturan Merekodkan Waktu Kehadiran Staf Akademik di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Universiti melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 9 Tahun 2004 telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Perakam Waktu Berkomputer (SPWKB) sebagai satu mekanisma bagi merekodkan kehadiran staf. Pelaksanaan SPWKB sebagai kaedah merekodkan kehadiran bertugas staf di Universiti ini adalah dilaksanakan dan terpakai kepada setiap staf Bukan Akademik sahaja. Kaedah merekodkan kehadiran bertugas staf Akademik (termasuk staf akademik yang menyandang jawatan pentadbiran) adalah ditetapkan dan masih tertakluk kepada budi bicara Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing.

2.2 Selaras dengan hasrat Universiti untuk memperkasa dan memartabatkan insituti pengajian tinggi ke arah modal insan yang dinamik dan bertanggungjawab, maka peraturan merekodkan waktu kehadiran dipinda melalui keputusan yang telah dibuat pada Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan, ICT dan Pengurusan Universiti Bil. 1/2012. Pindaan pelaksanaan ini telah dimaklumkan menerusi Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2012 pada 5 Mac 2012.

2.3 Namun demikian, berdasarkan keperluan semasa dan hasil kajian bagi tujuan penanda arasan terhadap IPTA seluruh negara, pihak Universiti berpandangan bahawa terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam menyokong pembangunan dan kelestarian Universiti secara amnya. Peraturan merekodkan waktu kehadiran bagi staf akademik UTeM telah dibincangkan semula pada Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 4 Tahun 12 yang bersidang pada 19 Jun 2012.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Sehubungan dengan itu, Universiti telah bersetuju pelaksanaan perekodan waktu kehadiran staf akademik ditambahbaik dengan meminda **perkara 3.0** Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2012 seperti berikut:

- i. Waktu merekod kehadiran yang fleksibel di mana masa masuk dan keluar direkodkan pada bila-bila masa pada hari berkenaan dengan syarat ia mestilah mencukupi 45 jam seminggu; dan
- ii. Dibenarkan untuk merekodkan kehadiran di mana-mana lokasi di dalam kampus Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

4.0 PEMAKAIAN

Perkara 3.0 di dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2012 dengan ini dipinda, manakala lain-lain peraturan berkaitan tidak berubah.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

/ukp